

TRANSFORMASI DIGITAL KHAZANAH

Pada tahun dalam tinjauan, kami terus membina momentum untuk NexGen, iaitu projek transformasi digital kami di seluruh organisasi. Kami berjaya mengatasi cabaran awal dengan menambah baik proses pendigitalan untuk memudahkan peralihan daripada 'Pemula Digital' kepada 'Pengamal Digital'.

Di bawah NexGen, kami melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mencapai matlamat berikut:



Memodenkan Seni Bina Teknologi

Melaksanakan platform dan penyelesaian digital baharu dalam setiap bahagian perniagaan bagi memastikan kami mengekalkan ketahanan siber yang teguh.

Menstrukturkan Pengurusan Data

Mengatur secara sistematik, menggabungkan dan menyediakan akses kepada data di seluruh organisasi. Ini meningkatkan kualiti keputusan kami yang meraih hasil perniagaan yang lebih baik.

Mempercepat Penerimgunaan Digital

Melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran yang diperlukan untuk masa hadapan bagi menambah baik amalan kerja berpasukan dan ketangkasan melalui penyegeraan penerimgunaan alat digital.

Membentuk Tadbir Urus yang Kukuh

Melaksanakan struktur tadbir urus yang kukuh, termasuk rangka kerja, proses dan prosedur untuk memperkasakan kakitangan melalui teknologi dengan berkesan.

Kami mempercepat sebahagian besar daripada inisiatif NexGen pada tahun 2024 untuk meningkatkan kecekapan digital dan proses perniagaan. Usaha ini disasarkan kepada mengemas kini penyelesaian perniagaan melalui platform awan (cloud), memperkemas infrastruktur teknologi dan pusat data kepada Amazon Web Services dan Microsoft, serta menyesuaikan penyelesaian menggunakan platform awan berkod rendah. Di samping itu, projek ini memperkukuh keselamatan siber dan memudahkan pembelajaran dalam talian mengenai penyelesaian IR4.0.

Program Data Khazanah (KDP), iaitu inisiatif di bawah NexGen, mencatatkan satu detik penting dengan pemilihan Platform Data Perusahaan (EDP) untuk menggabungkan penstoran dan pemprosesan data. Kami juga mencapai detik penting persediaan asas untuk Microsoft Fabric – platform analitik semua dalam satu berkuasakan AI yang dapat membantu kami agar menepati jadual waktu penyampaian projek pada tahun 2025.

TRANSFORMASI DIGITAL KHAZANAH

Sesi Keselamatan Siber AI yang diadakan dengan kerjasama Asia School of Business dan CTO Circle, adalah satu lagi inisiatif NexGen untuk menangani ancaman keselamatan siber yang berkembang dikuasakan oleh teknologi AI munculan. Pelbagai usaha di bawah NexGen telah membawa kepada kematangan digital Khazanah yang meningkat kepada 72% pada tahun 2024 daripada 53% pada tahun 2023.



Masa hadapan Keselamatan Siber pada Era AI -

Kolaborasi dengan NACSA dan Asia School of Business untuk menonjolkan kepentingan AI dan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 baharu kepada ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkaitan Khazanah pada Jun 2024.



CTO Circle 2024 - Berinteraksi dengan ketua-ketua pegawai teknologi daripada syarikat-syarikat berkaitan Khazanah dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) pada Oktober 2024 untuk menangani secara kolektif pembangunan bakat dan cabaran-cabaran memandangkan adanya keupayaan AI munculan dan ancaman siber baharu.



Membalas Budi kepada Masyarakat - Menubuhkan pasukan bersilang fungsian di Khazanah dan Yayasan Hasanah pada Disember 2024 untuk menyokong organisasi bukan kerajaan seperti Women of Will bagi meningkatkan pengetahuan dan keupayaan digital mereka.